

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

Juara debat bahasa Mandarin  
08. Sep 2008  
Harian Metro  
Variasi  
336603  
2192000

Language  
Page No  
Article Size  
Frequency  
Color  
AdValue

MALAY  
VR5  
189 cm2  
Daily  
Full Color  
2425.99



# Juara debat bahasa Mandarin

UPM raih kemenangan dua kali berturut-turut selepas tewaskan UTP

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) muncul johan Pertandingan Debat Bahasa Mandarin Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ke-1 dua kali berturut-turut, baru-baru ini. UPM selaku penyokong menundukkan Universiti Teknologi Petronas (UTP), Perak selaku pembangkang pada pertandingan akhir.

Tajuk diberi ialah 'Demi Menaikkan Taraf Sistem Kehakiman di Negara Kita, Ahli Politik atau Pegawai-Pegawai Kehakiman Memainkan Peranan yang lebih Penting'.

Empat pendebat UPM menggondol hadiah wang tunai RM3,000; tujuh trofi Chocolate Audio, tujuh trofi dan sijil penyertaan.

Lebih manis apabila Tay Fui Fang dari UPM dipilih pendebat terbaik.

Kemenangan itu memberi peluang UPM mewakili Malaysia di Pertandingan Debat Bahasa Mandarin Antarabangsa pada 2010.

Mengulas kemenangannya, Tay berkata, kerjasama serta usaha keras antara satu sama lain rahsia kejayaan selain memperoleh sokongan padu daripada pelbagai pihak.

"Memegang gelaran juara bertahan bukan mudah, kami terpaksa bekerja keras memastikan trofi kejuaraan tidak terlepas.

"Mujurlah rakan sepasukan serta universiti sentiasa memberi sokongan padu.



**UNGGUL...**muncul juara buat kali kedua sekali gus bakal membawa cabaran negara pada 2010.

"Usaha keras hampir dua bulan membuat persiapan berbaloi.

"Saya berharap semangat daripada kemenangan ini akan dibawa ke pertandingan peringkat dunia bagi menaikkan nama negara dan UPM," katanya.

Sebanyak 20 IPT awam dan swasta menyertai pertandingan dwi tahunan itu manakala Universiti Malaysia selaku tuan rumah pada tahun ini.

Majlis penutup disempurnakan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Tan Lian Hoe.